

(25)

JABATAN KEHAKIMAN,
MAHKAMAH TINGGI,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50050 KUALA LUMPUR.

Bil: (25) dlm. JK/MA 16

Tarikh: 11 Ogos, 1987.

Hakim,
Mahkamah Sesyen,
SEMENANJUNG MALAYSIA.

Majistret,
Mahkamah Majistret,
SEMENANJUNG MALAYSIA.

Tuan/Puan,

PEKELILING PENDAFTAR NO. 4 TAHUN 1987

Kes-kes jenayah dan sivil separuh bicara
dan alasan hukuman


Telah sampai kepada makluman Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya, bahawa terdapat Majistret yang mempunyai terlalu banyak kes separuh bicara. Perkara ini hendaklah dielakkan. Jika boleh, sebaik sahaja kes dibicarakan, ia hendaklah diselesaikan secepat mungkin termasuklah menyiapkan alasan-alasan penghakiman, jika ada.

2. Yang Amat Arif Hakim Besar telah mengarahkan saya supaya menyatakan bahawa seorang pegawai tidak akan disyorkan untuk pengesahan atau kenaikan pangkat, menurut mana-mana yang berkenaan, jika Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya tidak berpuas hati bahawa pegawai-pegawai berkenaan tidak menjalankan kerja dengan memuaskan dalam hal tersebut sebagaimana yang diharapkan menurut kehendak pekeling ini.

Arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


RAZINAL ABIDIN BIN MOHD. WAZIR)
Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya,
Kuala Lumpur.

J. Ketua Hakim Negara.
H. Hakim Besar Malaya.
M. Hakim, Mahkamah Tinggi, Semenanjung Malaysia.
N. Pendaftar, Mahkamah Agung.
O. Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya.